

20/02/2001

Harussani pertahan kenyataan filem Hindi

LUMUT, Isnin - Mufti Negeri Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria hari ini mempertahankan kenyataannya bahawa filem Bollywood bukan saja antara pendorong utama masyarakat negara ini terjebak dalam pelbagai masalah sosial, malah menyekat kemajuan orang Melayu.

Menurutnya, lebih memburukkan keadaan, filem itu yang selalunya bertemakan cinta menjurus ke arah keganasan dan pornografi.

"Saya tidak kata itu satu-satunya faktor yang mempengaruhi masyarakat ke arah gejala negatif.

"Saya lihat ia (filem Bollywood) lebih memaparkan seni dalam bentuk keganasan dan pornografi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Urusetia Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Peringkat Kebangsaan di Damai Laut Resort, Segari, dekat sini hari ini.

Harussani berkata, filem itu juga disifatkan sebagai antara cara untuk menyebarkan dakyah terhadap generasi muda Islam di negara ini.

"Ia lebih bersifat kepercayaan apabila cinta terhalang kerana perbezaan kasta, mereka pergi ke tokong (kuil) dan minta dengan tokong.

"Dalam perkembangan negara, agama rasmi adalah Islam, agama lain boleh diamalkan tetapi tidak boleh didakyah. Ini amat bahaya kepada generasi muda Islam," katanya.

Beliau berkata, sejak akhir-akhir ini, terdapat kecenderungan gadis Melayu terpengaruh dengan pemuda India dan sanggup menukar agama untuk mengahwini pemuda berkenaan.

"Apabila mereka terpengaruh dengan filem Bollywood, mereka akan mencari pemuda yang serupa seperti idola mereka itu, sanggup tukar agama, ini sungguh membimbangkan," katanya.

Menurutnya, perkara paling penting ingin disampaikannya ialah pengaruh filem Bollywood itu akan menyebabkan masyarakat Islam lalai mengenai tanggungjawab mereka untuk menuntut ilmu sebanyak mungkin.

"Kalau asyik di hadapan televisyen, bila nak bersaing, sedangkan bangsa Melayu diakui ketinggalan dalam semua aspek termasuk ekonomi, pendidikan dan lainnya.

"Orang Melayu hanya mampu memberi tenaga (kuli) bukan pemilik. Kalau tidak mahu bersaing, kita akan terus ketinggalan, ini yang harus difahami dan diberi perhatian serius," katanya.

"Katanya, budaya seronok yang ditonjolkan filem Bollywood itu juga menyebabkan masyarakat Melayu semakin ketinggalan berbanding kaum lain.

"Pencapaian orang Melayu dalam pendidikan tidak sampai 30 peratus berbanding kaum lain. Dalam masa 10 tahun lagi, apa akan jadi," katanya.

Hari ini akhbar melaporkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kajian secara akademik perlu diadakan untuk mengetahui kesan sebenar filem Hindi terhadap masyarakat negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak berani mendakwa filem itu menyebabkan peningkatan jenayah kecuali satu kajian dibuat terhadap mereka yang melakukan jenayah sama ada terpengaruh dengan filem berkenaan.

Sebelum ini, Harussani yang juga Wakil Mufti-Mufti SeMalaysia dalam kenyataannya Rabu lalu, berkata filem Bollywood dikatakan mendorong masyarakat Islam terjebak ke arah perlakuan sumbang muhrim berikutan pengaruh yang kuat apabila kerap ditayangkan di televisyen.

Berikutan itu, Kementerian Penerangan akan memperkenalkan formula khas bagi mengurangkan tayangan filem Hindi dan klip video Hindi yang dikatakan boleh mempengaruhi budaya hidup masyarakat Melayu.

(END)